

ISU PEMBINAAN JIRAT CINA DI KAMPUNG BUKIT CERAKAH

# Cadangan pembinaan projek perlu rujuk penduduk dahulu

(FOTO BOSLIN MAT TAHIR-BH)



Sebahagian penduduk kampung sekitar Felda Bukit Cerakah berkumpul membantah cadangan pembinaan jirat Cina di kawasan Kampung Bukit Cerakah.



Kerajaan PKR Selangor dilihat bersikap tidak sensitif ketika membuat keputusan itu terutama tapak projek berkenaan terletak di kawasan yang didiami kira-kira 95 peratus masyarakat Islam”

**Irmohizam Ibrahim,**  
Ahli Parlimen Kuala Selangor

➔ Kerajaan Selangor kena sensitif, sedia maklum majoriti penduduk Islam

Oleh Norzamira Che Noh  
bhnews@bh.com.my

✦ Shah Alam

Sikap tidak menjaga sensitiviti rakyat dan tidak prihatin dengan suasana persekitaran menyebabkan cadangan pembinaan jirat Cina tidak dirujuk dengan penduduk di sekitar Puncak Alam, di sini, sebelum meluluskan projek berkenaan.

Sepatutnya kerajaan Selangor mengambil kira keperluan penduduk persekitaran yang 95 peratus adalah masyarakat Islam dan merujuk cadangan pembinaan itu kepada mereka terlebih dahulu.

Ahli Parlimen Kuala Selangor, Datuk Seri Dr Irmohizam Ibrahim berkata Kerajaan PKR Selangor dilihat bersikap tidak sensitif ketika membuat keputusan itu terutama tapak projek berkenaan terletak di kawasan yang didiami kira-kira 95 peratus masyarakat Islam.

#### Tidak sensitif

Beliau berkata, kerajaan negeri sepatutnya menjalankan penilaian impak sosial dan bukan mengambil pendekatan autoritarian.

“Apa yang saya nampak dalam isu ini, Kerajaan Selangor meletakkan keuntungan melebihi sensitiviti penduduk di kawasan Puncak Alam, ketika mereka meluluskan projek ini.

“Saya menerima banyak aduan daripada penduduk di kawasan berkenaan yang sangat menentang pembinaan jirat di situ. Mereka tidak dimaklumkan terlebih dahulu.

“Perkara ini menimbulkan persoalan terhadap pendekatan kerajaan negeri dalam membuat keputusan kerana mereka sepatutnya mendapatkan maklum balas daripada semua pihak termasuk mereka yang terkesan dengan pro-

jek ini,” katanya.

Pada masa sama, Irmohizam berkata, keputusan itu juga menunjukkan kerajaan negeri tidak belajar daripada kesilapan membenarkan pembinaan sebuah kuil di kawasan didiami majoriti masyarakat Islam di Seksyen 23, Shah Alam pada 2009 sehingga mencetuskan bantahan penduduk setempat.

Semalam, *BH* menyiarkan bantahan penduduk sekitar Felda Bukit Cerakah, Puncak Alam ke atas cadangan pembinaan jirat Cina seluas 80 hektar di Kampung Felda Bukit Cerakah, Puncak Alam.

#### Khuatir undang masalah

Selain tidak mengambil kira sensitiviti penduduk yang rata-ratanya beragama Islam, projek itu juga dikhuatiri mengundang masalah lain seperti tanah runtuh dan banjir bukan sahaja di kawasan Felda terbabit tetapi juga beberapa kawasan berdekatan.

Sementara itu, Pemangku Setiausaha Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) Mohamad Yusli Askandar, dalam satu kenyataan, berkata tapak berkenaan iaitu di PN 77576 Lot 9987 dan PN 30243 Lot

9942, Mukim Jeram, Kuala Selangor, dizonkan untuk kegunaan Tapak Perkuburan Bersepadu.

Katanya, ia bagi memenuhi keperluan penduduk di kawasan utara Selangor manakala tanah berkenaan adalah milik persendirian.

“Cadangan pemohon untuk membangunkan kawasan tanah

itu sebagai Tapak Perkuburan Bersepadu adalah selaras dengan zon guna tanah yang ditetapkan di dalam RTMDKS 2025, yang diwartakan pada 28 April 2015.

“Proses pewartaan RTMDKS 2025 juga sudah melalui peringkat publisiti dan bantahan awam selama dua bulan mulai 1 November 2013 hingga 2 Januari 2014,” katanya.



Keratan laporan  
*BH* yang disiarkan  
semalam.